



Khutbah Aidilfitri

Majlis Ugama Islam Singapura

17 Julai 2015 / 1 Syawal 1436

**MEMBENTUK DAYA TAHAN DI DALAM KEHIDUPAN**

**BERAGAMA DI SINGAPURA**

الله أكبر × ٩ كالي

الله أكبر مَا تَعَالَتْ أَصْوَاتُ النَّاسِ بِالتَّكْبِيرِ

الله أكبر مَا تَفْتَحَتْ أَبْوَابُ السَّمَاءِ فِي هَذَا الصَّبَاحِ الْكَبِيرِ

الله أكبر مَا تَنَزَّلَتْ عَلَيْنَا رَحْمَةُ الْإِلَهِ الْعَلِيِّ الْقَدِيرِ

الله أكبر مَا تَقَارَبَتْ قُلُوبُ الْمُسْلِمِينَ فِي هَذَا الْيَوْمِ الْمُنِيرِ

الله أكبر ، الله أكبر ، الله أكبر ،

لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَ اللهُ أَكْبَرُ ، اللهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَمَدَّ أَوْلِيَاءَهُ بِالتَّوْفِيقِ ، وَأَلْهَمَهُمْ كَلِمَةَ الْحَقِّ

والتَّصْدِيقِ ، وَأَرْشَدَهُمْ إِلَى أَوْضَحِ مَحَجَّةٍ وَطَرِيقٍ ، وَجَعَلَهُمْ

بِرَحْمَتِهِ خَيْرَ أُمَّةٍ وَفَرِيقٍ ، أَحْمَدُهُ عَلَى النِّعْمَةِ الَّتِي بِهَا حَبَانَا ،

وَأَشْكُرُهُ عَلَى الْمِلَّةِ الَّتِي بِهَا هَدَانَا .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا  
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى  
آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ اهْتَدٰى بِهَدْيِهِ  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِي نَفْسِي وَإِيَّاكُمْ بِتَقْوَى اللَّهِ  
وَطَاعَتِهِ.

Ma'asyiral muslimin wal muslimat,

Pada pagi hari yang penuh dengan keagungan ini, marilah kita panjatkan kesyukuran dan pujian kita kepada Allah s.w.t. Marilah kita merendahkan diri dan hati tatkala melaungkan takbir mengesakan-Nya. Tuhan yang telah mengizinkan kita meraih pelbagai kebaikan dan kelebihan sepanjang bulan Ramadan. Mudah-mudahan, Allah s.w.t. menerima segala usaha dan amalan kita, dan menggugurkan segala dosa dan kesilapan kita, serta memperkenankan doa kita sepanjang Ramadan agar kita mendapat kemaafan-Nya. Hingga akhirnya kita tergolong bersama mereka yang difirmankan oleh Allah s.w.t. di dalam Surah Al-Fajr ayat 27-30:

يَتَأْتِيهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾  
فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَاَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: “Wahai jiwa yang tenang. Kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha dan diredhai-Nya. Maka

*masuklah ke dalam golongan hamba-hamba-Ku [yang diredhai], dan masuklah ke dalam syurga-Ku”.*

## **RAMADAN MEMUPUK KEIHSANAN, BUKAN MEMBAWA KEHANCURAN**

Saudaraku sekalian,

Alhamdulillah, Ramadan yang baru berlalu di Singapura dipenuhi dengan kebaikan dan keihsanan. Kita berpuasa pada siangnya, disamping menjalankan amanah bertugas dan berbakti di tempat kerja, bersama keluarga, terhadap masyarakat dan juga negara. Puasa yang tidak melemahkan diri atau melekakan kita dari tanggungjawab. Kita juga dapat bangkit qiyam pada malamnya, samada di rumah bersama keluarga, atau berjemaah di masjid. Ramadan yang tersebar padanya keihsanan dan kasih sayang sesama insan, yang memupuk semangat berkongsi dan saling bantu-membantu.

Alhamdulillah, bulan suci itu telah menjadi lambang perpaduan dan rahmat Allah s.w.t. Ia bukan hanya membawa kebaikan pada diri kita, tetapi mensucikan nama Nabi tercinta sebagai pembawa rahmah dan kebaikan bagi seluruh alam. Kita bersyukur di atas nikmat ini. Kita juga berterima kasih kepada seluruh warga kerja dan sukarelawan yang telah memakmurkan masjid-masjid dan Singapura ini dengan program dan cara bermanfaat sepanjang Ramadan yang lalu. Dengan ketakwaan dan amal bakti, dan dengan keihsanan di

dalam kehidupan berkeluarga, kita telah berusaha menegakkan perintah Allah s.w.t. di dalam Surah An-Nahl ayat 90:

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ  
لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

Yang bermaksud: “Sesungguhnya Allah memerintahkan (kamu) untuk berlaku adil dan berbuat ihsan serta memberi kepada kaum kerabat, dan Allah melarang dari perbuatan keji, kemungkaran dan permusuhan. Dia memberi pengajaran kepadamu agar kamu dapat mengambil pelajaran”.

Saudaraku sekalian,

Namun, ada juga di luar sana Ramadan yang sangat berbeza, bahkan bertentangan dengan apa yang saya baru sebutkan. Ramadan yang dihidupkan oleh mereka yang mengaku Islam dengan kekerasan dan pertumpahan darah. Ramadan yang mereka harungi dengan membunuh orang yang tidak bersalah, lantas mencemar kesucian agama. Pembunuhan yang tidak lagi mengenal bangsa, agama, malah tempat. Sesuci-suci bumi yang didirikan di atasnya rumah Allah s.w.t. juga menjadi sasaran.

Perhatikanlah saudara, bahawa mereka yang melakukan kekejaman sedemikian telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya yang bermaksud: “Nanti akan muncul

*diantara kamu kaum yang menghina solat kamu dibandingkan dengan solat mereka, dan puasa kamu dibandingkan dengan puasa mereka, amal perbuatan kamu dibandingkan dengan amal perbuatan mereka, mereka itu membaca Al-Quran tetapi bacaan mereka tidak akan melewati kerongkongan mereka, dan mereka akan merosakkan agama sebagaimana anak panah keluar dari busurnya". [Hadith riwayat Imam Al-Bukhari]*

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Saudara sekalian,

Begitulah di antara realiti kehidupan masakini; dua wajah Islam yang terpapar daripada pengamalan umat Islam di mata dunia. Yang pertama adalah Islam yang memupuk kedamaian, kesederhanaan dan kemakmuran. Yang satu lagi pula menonjolkan idea-idea radikal lagi ekstrim, yang mengajak kepada keganasan dan akhirnya kekecohan. Ini bukan sahaja boleh mengelirukan, terutama kepada generasi muda, malah mengundang salah tanggapan dunia terhadap Islam. Benarlah pesanan Baginda Nabi s.a.w. yang diriwayatkan Imam At-Tirmidzi, bahawa menghidupkan ajaran agama Islam yang sebenar dan membawa kesejahteraan, bak menggenggam bara api. Bersuasanakan keadaan sedemikian, kita tidak boleh berselindung di sebalik realiti dan cabaran, ataupun hanya berpeluk tubuh.

Kita perlu membina keyakinan dan daya tahan untuk kekal di atas landasan yang terpandu. Kita mesti terus memilih jalan yang dibentangkan oleh Baginda Nabi s.a.w. Di antara prinsip pengamalan agama yang digariskan oleh Baginda s.a.w. adalah seperti di dalam sabdanya: *“Sesungguhnya agama itu mudah. Tidak seorang pun mempersulit (berlebih-lebihan) dalam beragama kecuali dia akan gagal (iaitu tidak dapat melaksanakannya dengan sempurna). Oleh kerana itu, perbetulkanlah [amalan agamamu], hendaklah kamu bersikap sederhana (tidak melampaui batas) dan sampaikanlah berita gembira”*. [Hadith riwayat Al-Bukhari dan Muslim]

Apabila kesederhanaan ini terhapus daripada kamus keagamaan, maka akan hilanglah keseimbangan. Tanpa keseimbangan pula, kita akan gagal untuk memahami dan mengamalkan Islam dengan menyeluruh. Sifat keseimbangan ini sangat ketara, memandangkan terdapat pelbagai unsur yang bertopengkan ajaran agama pada hari ini yang boleh menyebabkan kita tergelincir jika kita tidak berwaspada.

Hari ini kita mula melihat anasir-anasir negatif yang menanam kebencian dan menyebabkan perbalahan dan perpecahan mula menyelinap dalam kehidupan harmoni negara kita. Mereka menganjurkan pemahaman dan pengamalan agama yang eksklusif, yang menolak kepelbagaian dan perbezaan pandangan, sedangkan ia merupakan fitrah kejadian manusia. Terdapat pula idea-idea yang bersifat radikal yang

menanamkan sikap tegar dan keras di dalam diri muslim. Contohnya, idea-idea sedemikian cuba menimbulkan keraguan di dalam diri muslim yang hidup di tengah-tengah kemodenan. Mereka mendakwa bahawa tidak sempurna Islam seseorang yang hidup dalam negara sekular seperti Singapura ini. Lantas timbul ajakan oleh segelintir kumpulan radikal seperti ISIS supaya berhijrah kepada apa yang mereka dakwa sebagai “negara Islam”. Idea sedemikian telah meracuni minda sebahagian anak muda sehingga tertarik untuk menyertai kumpulan-kumpulan radikal sedemikian.

## **MEMBANGUN PEMAHAMAN DAN PENGAMALAN ISLAM YANG BERSESUAIAN KONTEKS SINGAPURA**

Oleh itu saudara-saudara sekalian, kita perlu sentiasa berwaspada, dan pada masa yang sama, meningkatkan ilmu dan pemahaman, sejajar dengan panduan agama tercinta. Ilmu yang akan memandu kita untuk terus bertanya, adakah pandangan tegar serta eksklusif seperti yang disebutkan sebentar tadi benar di sisi Islam? Adakah benar hidup di negara kita ini bertentangan dengan ajaran Islam? Apakah kurangnya iman dan Islam jika kita berada dalam konteks yang mencabar?

Ketahuiilah saudara-saudara sekalian, nilai-nilai Islam mengajar dan membina kita dengan keyakinan diri yang tinggi untuk tetap berperanan membawa pembangunan dan kebaikan, tidak kira di mana kita berada. Inilah identiti dan prinsip kita sebagai

Muslim. Nilai ini telah dihayati oleh Nabi Yusuf a.s. yang menyumbang kepada pembangunan negara Mesir, walaupun raja dan penduduknya terdiri dari mereka yang bukan Islam. Begitu juga pengalaman hidup sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. ketika di negeri Habasyah sebagai golongan minoriti, dan sumbangan mereka kepada kedamaian negara itu, yang menjadi bukti jelas bahawa kehidupan minoriti bukan terlarang di sisi Islam.

Saudaraku,

Isu-isu kompleks seperti ideologi yang radikal, serta pemikiran dan kepelbagaian gaya kehidupan yang mencabar keimanan, menuntut kita agar sentiasa peka dan tidak boleh leka. Kita perlu terus membangun pemahaman Islam yang sesuai dengan keadaan dan keperluan masyarakat. Pemahaman yang mengambil kira kerencaman dan kepelbagaian tradisi Islam yang luas lagi mendalam. Pemahaman yang berprinsip lagi terpandu, yang mengupayakan masyarakat kita untuk mempunyai perspektif yang mendalam dan luas terhadap isu-isu rumit.

Kita perlu terus menyemai pemahaman Islam yang melahirkan muslim yang berfikiran positif dan ingin terus berusaha membangun keluarga dan masyarakatnya. Kita inginkan pemahaman Islam yang mendorong kita untuk menjadi masyarakat yang kukuh kerohaniannya, mulia akhlaknya serta hebat pencapaiannya dalam apa jua bidang pelajaran dan



pekerjaan. Kita perlu menghidupkan pemahaman Islam yang bertatasusila dan disinari cahaya akhlak dan etika hidup Nabi Muhammad s.a.w.

Atas dasar nilai inilah juga generasi terdahulu, iaitu datuk nenek kita, telah menyumbang bakti kepada masyarakat dan negara ini. Mereka membangun masjid-masjid dan kegiatan dakwah serta kebajikan dengan tujuan agar kita dapat terus mengamalkan Islam dengan baik dan teratur. Mereka yakin bahawa kita boleh melaksanakan Islam dan menjalankan kehidupan beragama di Singapura ini. Bahkan mereka telah hidup dengan jayanya di dalam masyarakat yang berbilang kaum. Mereka saling bantu membantu dan menghormati antara jiran tetangga. Hari ini kita meraih hasil penat-lelah dan kekentalan semangat menyumbang mereka, dan menikmati keamanan dan kedamaian hidup beragama di negara tercinta ini. Paparan hidup beragama ini semakin jelas kita saksikan, terutama dalam bulan Ramadan. Ramadan yang baru berlalu sebagai bukti yang menunjukkan bahawa masyarakat Islam Singapura mampu menjadi masyarakat yang membawa pelbagai kebaikan. Bukankah ini sangat bertepatan dengan tuntutan Islam?

Inilah Islam yang kita warisi di Singapura ini, dan begitulah juga Islam yang ingin kita wariskan kepada anak-anak kita. Kita harus bangun dan bangkit dengan penuh keyakinan akan cara dan bentuk keagamaan yang telah kita lalui selama ini.

Keyakinan yang tidak mudah goyah walau dipukul pelbagai arus yang menyeru kepada kemunduran lagi kebinasaan.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

## **MEMPERKUKUH JALINAN BERSAMA BELIA**

Saudara-Saudaraku,

Anak-anak muda dan belia adalah tunggak dan harapan masa depan Islam di Singapura. Wahai anak-anak muda sekalian, melalui andalah, kami harapkan nilai ajaran Islam akan terus dihormati dan disanjung oleh umat manusia. Oleh itu, anda perlu memastikan anda mendapatkan pendidikan Islam yang baik dari guru agama yang terdidik, bertauliah dan boleh dipercayai. Bukan guru yang inginkan anda berbalah, bersikap sombong, atau sewenang-wenangnya menyesatkan dan mengkufurkan orang lain. Guru seperti ini perlu anda jauhi kerana Islam mengajar kita untuk menyebarkan kebaikan dan bukan menjatuhkan hukum. Imam Ibn Sirrin pernah berpesan: *“Sesungguhnya ilmu ini adalah agama, maka perhatikan dari mana kamu perolehi agama mu”*. [Sahih Muslim]

Kami akur bahawa anda sebagai belia sedang atau akan melalui pergolakkan jiwa dan memiliki seribu satu persoalan dan pertanyaan. Mungkin persoalan berkaitan agama mahupun cabaran emosi dan perasaan. Apa pun, pastikanlah anda

merujuk sama ada ibu dan bapa atau guru mahupun asatizah yang ada di Singapura.

Buat Ibu dan bapa pula, kita perlu bersikap ihsan di dalam mendekati belia kita. Fahamilah cabaran serta cara pemikiran mereka. Jika kita dapati mereka ini melakukan sesuatu yang salah, dekatilah mereka dengan penuh keihsanan.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

Ya Allah, Ya Rahman Ya Rahim, hanya kepada Mu kami berserah, Ya Allah. Kami lemah tanpa Mu, Ya Allah, maka perkukuhkanlah kami. Kami berdosa Ya Rahman, maka ampunilah kesilapan kami. Kepada siapa kami akan bermohon Ya Allah, sekiranya bukan kepada Mu. Engkaulah Yang Maha Esa, lagi Maha Perkasa. Yang Maha Pengampun atas kesalahan hamba-hambanya. Pandanglah kami, Ya Allah, dengan pandangan rahmat-Mu.

Terimalah segala amal ibadah kami, Ya Allah. Berkatilah Ya Allah, umur kami dan keluarga untuk melaksanakan ketaatan kepada Mu. Jadikanlah kemenangan kami ini penuh bererti, dengan curahan redha dan kasih-Mu yang murni.

Ya Allah Tuhan yang Maha Luas Pengampunan-Mu, Ramadan tiba dan telahpun berlalu, namun di sini kami tetap kekal

mengharap pimpinan-Mu. Kami mengharapkan keredhaan-Mu, kami mengharap kasih sayang Mu.

Jadikanlah kami sebuah masyarakat yang semakin beragama tetapi semakin banyak kebajikannya. Pandulah kami, Ya Allah, untuk menjadi duta-duta Islam yang mengharumkan nama dan memelihara kesucian agama-Mu. Kurniakan kami pemahaman Islam yang menuruti kehendakMu. Pimpinlah kami ke arah pemahaman Islam yang menjadikan kami dan keluarga kami di kalangan mereka yang terhormat di sisi manusia dan pada pandanganMu.

Lindungilah kami dari segala bentuk kesesatan dan kejahilan, peliharalah keluarga kami dari segala keburukan dan kesengsaraan, dan anugerahkanlah masyarakat kami ini kejayaan, keamanan dan kesejahteraan.

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ .

## Khutbah Kedua

17 Julai 2015 / 1 Syawal 1436

الله أكبر 7x

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَعَادَ الْأَعْيَادَ وَكَرَّرَ. أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ أَنْ  
خَلَقَ وَصَوَّرَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
شَهَادَةً يَثْقُلُ بِهِ الْمِيزَانُ فِي الْمَحْشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الْفَاتِرِينَ بِالشَّرَفِ  
الْأَفْخَرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

وَصَلُّوا عِبَادَ اللَّهِ عَلَى رَسُولِ الْهُدَى وَخَيْرِ الْوَرَى فَقَدْ  
أَمَرَكُمْ بِذَلِكَ الْمَوْلَى جَلَّ وَعَلَا حَيْثُ قَالَ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ  
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ، يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى رَسُولِكَ الْمُجْتَبَى وَنَبِيِّكَ الْمُصْطَفَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْخَلْقِ وَخَيْرِ الْوَرَى. وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ  
أَهْلِ الصِّدْقِ وَالْوَفَى.

اللَّهُمَّ وَارِضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ  
وَعَلِي، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقَرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَتَابِعِيهِمْ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ  
الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ إِنَّكَ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَغَافِرُ  
الذُّنُوبِ وَالْخَطِيئَاتِ. رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَمْ تَغْفِرْ لَنَا  
وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ. رَبَّنَا لَا تُرِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ  
هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ. رَبَّنَا  
آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَأَدْخِلْنَا الْجَنَّةَ مَعَ الْأَبْرَارِ. يَا اللَّهُ يَا عَزِيزُ يَا غَفَّارُ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى  
وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ،  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ  
مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.